

Peluang naik pangkat: Pegawai kastam kecewa

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Presiden Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Kastam, Encik Zainuddin Mohammed berkata, kekecewaan jelas menyelubungi pegawai-pegawai kanan kastam berhubung peluang kenalkan pangkat.

Katanya, ini disebabkan 60 sahaja peluang kenalkan pangkat tertinggi dalam jabatan dari 1,000 orang pegawai kanan.

"Berbanding dengan jabatan-jabatan lain, Jabatan Kastam merupakan yang paling malang kerana kenalkan pangkat 'tingkatan tertinggi' hanya enam peratus sahaja berbanding sesetengah jabatan lain sehingga 50 peratus," katanya.

Beliau menyatakan, pihak persatuan telah menyuarakan perkara ini sejak lima tahun lalu tetapi nampaknya tidak dihiraukan langsung oleh pihak atasan.

Sejajar

Encik Zainuddin menjelaskan, memandangkan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pegawai-pegawai kerajaan mesti menunjukkan sikap dedikasi, bermotif dan produktif, sewajarnya masalah yang dihadapi oleh pegawai kanan kastam ini diberi perhatian.

Katanya, pihaknya memang menyokong penuh kenyataan Perdana Menteri itu.

Katanya, Persatuan itu bukanlah mendesak iayanan istimewa diberi kepada ahli-ahli mereka tetapi cukup sekadar sejajar dengan pegawai-pegawai di jabatan lain yang mempunyai kelayakan dan jangka masa perkhidmatan yang sama.

Katanya, terdapat ahli-ahlinya yang memegang jawatan penting sebagai pemangku selama dua tahun tanpa diberitahu sama ada mereka itu layak diberi pangkat tersebut atau tidak.

Sepatutnya, kata beliau, pihak berkenaan hendaklah memberitahu keputusan mereka dalam masa enam bulan memangku sesuatu jawatan, sama ada layak atau tidak memegang jawatan tersebut.

No. Siri ...

No. Pener...